

CNS4165

U GB 18-07 00131 BB168

AAB

Mahathir - Sumbangan

KUALA LUMPUR, 18 Julai (Bernama) -- Kerajaan telah menderma kira-kira \$270,000 (AS\$100,000) untuk membantu kanak-kanak yang menderita akibat Perang Teluk pada tahun lepas, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, derma itu wajar diberi kerana kanak-kanak merupakan golongan yang tidak bersalah dalam peperangan itu.

+Soal sama ada negara mereka bersalah atau tidak, ia tidak melibatkan kanak-kanak. Bukan mereka yang membuat keputusan, sebab itu kita tidak ambil kira mereka sebagai musuh atau kawan,+ katanya kepada pemberita selepas menandatangani Deklarasi Sedunia Mengenai Kehidupan, Perlindungan dan Kemajuan Kanak-kanak di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Katanya, yang penting, semua kanak-kanak harus diberi pertolongan.

Beliau berkata, bantuan itu telahpun disampaikan kepada pihak berkenaan. -- Lagi.

♥18/07/13-26MST

CNS4166

U GB 18-07 00121 BB169

AAB

Mahathir - Sumbangan 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga mengumumkan bahawa bantuan kerajaan sebanyak kira-kira \$81,000 (AS\$30,000) kepada kerajaan China untuk membantu mangsa banjir di republik itu.

Katanya, kerajaan juga akan berusaha mendapatkan derma daripada sektor swasta untuk membantu rakyat China yang menjadi mangsa bencana alam itu.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Tabung Kecemasan Kanak-kanak Antarabangsa Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF), Dr Richard Jolly memberitahu pemberita, beliau telah mengucapkan terima kasih kepada Datuk Seri Dr Mahathir kerana sumbangan yang dihulurkan kepada kanak-kanak yang menjadi mangsa Perang Teluk.

Katanya, sumbangan itu ialah untuk membantu usaha UNICEF bagi menjalankan program menolong kanak-kanak di Iraq.

+Kanak-kanak dalam perang memerlukan perhatian khas,+ kata Dr Jolly. -- Bernama.

♥18/07/13-29MST